



KENYATAAN MEDIA  
22 OGOS 2024

## **ST Lupuskan 139 Barangan Rampasan Bernilai Lebih RM10 Ribu di Sabah**

**Putrajaya, 22 Ogos 2024** – Suruhanjaya Tenaga (ST) berjaya melupuskan sejumlah 139 barangan rampasan bernilai RM10,000 bagi kes-kes di Negeri Sabah. Kes-kes yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. kes di bawah Ops Curi Elektrik yang melibatkan 36 Kertas Siasatan dan barang lupusan sebanyak 128 unit yang terdiri daripada meter, kabel dan benda asing yang digunakan untuk memintas bacaan meter,
- ii. kes di bawah Ops Kelengkapan Elektrik yang melibatkan dua (2) Kertas Siasatan dan barang lupusan sebanyak tiga (3) unit yang terdiri daripada *soldering iron*, kabel dan *extension socket*, dan
- iii. kes kemalangan elektrik yang melibatkan lima (5) Kertas Siasatan dan barang lupusan sebanyak lapan (8) unit yang terdiri daripada galah besi, *welding rod* dan kabel.

Pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan ST, Encik Ismail Zaili Yusop dan Timbalan Pengarah Unit Penyiasatan ST, Ir. Nik Mohd Bakhry Abu Bakar telah hadir bagi menyaksikan proses pelupusan barangan rampasan di sebuah pusat pembuangan dan pelupusan logam di Kota Kinabalu Industrial Park, Kota Kinabalu, Sabah, hari ini.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST telah mendapat arahan untuk pelupusan barangan rampasan tersebut daripada Timbalan Pendakwa Raya di bawah Seksyen 406A dan 407 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) membabitkan sejumlah 43 Kertas Siasatan yang telah selesai melalui proses mahkamah dan kompaun.

ST telah melantik sebuah syarikat yang berlesen dengan Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan pelaksanaan sistem pengurusan *e-waste* ini dikendalikan secara lestari bagi mematuhi keperluan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Pengurusan barangan kes ini melibatkan proses pengasingan (*segregation*) antara sisa terjadual (*schedule waste*) serta sisa yang boleh dikitar semula (*recyclable waste*) dan sampah (*rubbish*). Menurut pihak syarikat, barangan-barangan ini akan dihantar kepada pembeli serta ke fasiliti pemprosesan lengkap jadual (*full recovery facilities*) berdasarkan pengasingan yang dilaksanakan.

Untuk makluman lanjut berkenaan perkara ini, sila layari laman sesawang ST di [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) atau hubungi kami di talian 03-8870 8500.

**\*\*\*TAMAT\*\*\***

***Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:***

*Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011-28866271 (Hazwani) / 018-3822545 (Harith)*

*Emel: [veliana@st.gov.my](mailto:veliana@st.gov.my) / [noorhazwani@st.gov.my](mailto:noorhazwani@st.gov.my) / [harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.